



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 11 TAHUN 2025

PINDAAN

SYARAT KHAS KEMASUKAN BAGI PROGRAM SARJANA MUDA

Bahagian Hal Ehwal Akademik
6 Mei 2025

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

6 Mei 2025

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 11 TAHUN 2025

PINDAAN

SYARAT KHAS KEMASUKAN BAGI PROGRAM SARJANA MUDA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan Mesyuarat Senat Kali Ke-245 Bil. 5/2025 bertarikh 6 Mei 2025 telah meluluskan cadangan pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda seperti berikut:

- 1.1 tambahan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian (AT62) bermula Ambilan Sesi 1 2025/2026.
- 1.2 pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian (AT63) bermula Ambilan Sesi 1 2025/2026.
- 1.3 pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16) terpakai kepada semua kohort yang sedang berlangsung dan ambilan yang akan datang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemasukan ke Program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian (AT62) sedia ada adalah melalui laluan STPM, Matrikulasi/ Asasi dan

- Diploma/ Setaraf. Bagi membuka peluang permohonan yang lebih luas ke dalam program ini, Fakulti Bahasa dan Komunikasi mencadangkan agar dibuka laluan kepada calon Lepasan *Foundation* IPTS. Sehubungan itu, fakulti ingin mencadangkan syarat khas kemasukan bagi calon Lepasan Foundation IPTS untuk kelulusan.
- 2.2 Manakala bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian (AT63), satu bentuk Ujian Khas akan dijalankan bagi menguji penguasaan bahasa etnik yang juga merupakan salah satu kayu pengukur dalam penentuan tapisan kemasukan ke program tersebut.
- 2.3 Syarat khas kemasukan semasa bagi program Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16) adalah MUET Band 3. Merujuk Surat Pekeliling JPT, KPT – [JPT.(A)1000/016/018/07 Jld.5(58)] bertarikh 27 Oktober 2014 program di bawah kategori Pengajian Sastera dan Sains Sosial menetapkan bahawa syarat kemasukan bagi MUET adalah minimum Band 2.0 sahaja. Oleh itu, pihak fakulti mencadangkan pindaan syarat dibuat berdasarkan surat pekeliling tersebut.

3.0 JUSTIFIKASI

3.1 Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian (AT62)

- 3.1.1 Membuka laluan kepada lepasan *Foundation* IPTS akan meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi, sejajar dengan matlamat nasional untuk memperluas peluang pendidikan.
- 3.1.2 Percambahan program IPTS yang telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), menunjukkan kualiti pendidikan yang setara dengan program asasi di universiti awam.

3.2 Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian (AT63)

Meluaskan skop penilaian penguasaan bahasa etnik bagi proses pemilihan calon yang tepat.

3.3 Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16)

3.3.1 Calon yang memperoleh Band 2.5 sudah memadai untuk memohon ke program ini kerana Standard Program: Teknologi Multimedia Kreatif, Edisi kedua: 2021 tidak menetapkan tahap MUET 3.0 sebagai Band minimum.

3.3.2 Membuka lebih banyak peluang kepada calon untuk memohon ke program ini tanpa menjelaskan kualiti.

3.3.3 Syarat bergraduat dapat diturunkan dari 4.0 kepada 3.5 sahaja.

4.0 CADANGAN PELAKSANAAN

4.1 Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian (AT62)

Bagi memastikan kualiti dan kesesuaian calon, syarat khas yang setara dengan kategori Matrikulasi/ Asasi dicadangkan untuk lepasan *Foundation IPTS*, iaitu seperti berikut:

i. Program Pengajian ii. Kod iii. Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum Lepasan Matrikulasi/ Asasi	Kelayakan Minimum Lepasan <i>Foundation IPTS</i>
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian AT62 8 Semester	MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 di peringkat Matrikulasi/ Asasi dan	MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 di peringkat Foundation IPTS dan

	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B di peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Tamil</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik/ Matematik Tambahan</p> <p>dan</p> <p>Melepas tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)</p> <p>dan</p> <p>Lulus temu duga yang ditetapkan</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau Band 2 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelum dalam Malaysian University English Test (MUET)</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B di peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Tamil</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred E di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik/ Matematik Tambahan</p> <p>dan</p> <p>Melepas tahap minimum ujian Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)</p> <p>dan</p> <p>Lulus temu duga yang ditetapkan</p> <p>dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau Band 2 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelum dalam Malaysian University English Test (MUET)</p>
--	---	---

4.2 Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian (AT63)

Menambah syarat lulus **Ujian Khas** bagi semua kategori kemasukan calon. Ujian khas yang ditetapkan adalah format bertulis dimana calon akan dibekalkan gambarajah dan diminta untuk menulis karangan berkenaan gambar tersebut dalam bahasa etnik yang ditetapkan.

Program	Syarat semasa temu duga bagi semua kategori kemasukan	Pindaan syarat temu duga bagi semua kategori
Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian	Lulus temu duga yang ditetapkan	Lulus temu duga dan ujian khas yang ditetapkan

4.3 Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16)

Pindaan syarat khas bagi kemasukan pelajar ke program Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16) adalah seperti berikut:

Program	Syarat semasa Band MUET bagi semua kategori kemasukan	Pindaan syarat Band MUET bagi semua kategori kemasukan
Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16)	Mendapat sekurang-kurangnya Band 3.0 untuk keputusan yang diperoleh mulai sesi 1 Tahun 2021 atau Band 3 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelum dalam Malaysian University English Test (MUET)	Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.5 dalam Malaysian University English Test (MUET)

5.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan cadangan pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda seperti berikut:

- 5.1 tambahan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Tamil) dengan Kepujian (AT62) bermula Ambilan Sesi 1 2025/2026.
- 5.2 pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Etnik) dengan Kepujian (AT63) bermula Ambilan Sesi 1 2025/2026.

- 5.3 pindaan syarat khas kemasukan bagi program Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian (AH16) terpakai kepada semua kohort yang sedang berlangsung dan ambilan yang akan datang.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 6 Mei 2025.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 6 Mei 2025

